



## NOTIS PEMAKLUMAN

Tarikh: 25 Mac 2025

### LARANGAN PENGIMPORTAN SEMENTARA RUMINAN DAN PRODUK RUMINAN

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah mengenakan larangan pengimportan sementara ruminan dan produk ruminan dari negara Slovakia yang terjejas dengan wabak penyakit *Foot and Mouth Disease* (FMD) seperti yang dilaporkan dalam *World Organisation for Animal Health* (WOAH) pada 21 Mac 2025.

Walau bagaimanapun, penggantungan ini tidak akan dikenakan ke atas kategori produk tertentu yang secara jelas ditakrifkan sebagai komoditi selamat di bawah Artikel 8.8.2 *Terrestrial Animal Health Code* oleh *World Organisation for Animal Health* (WOAH). Selain itu, produk tenusu yang telah menjalani kaedah pemprosesan tertentu yang memenuhi piawaian keselamatan yang ditetapkan juga akan dikecualikan daripada penggantungan tersebut. Kaedah pemprosesan tenusu berikut dianggap diterima:

- a) *Ultra-High Temperature* (UHT) pada suhu minimum 132°C selama sekurang-kurangnya 1 saat; ATAU
- b) Jika susu mempunyai pH kurang daripada 7.0, *High Temperature Short Time* (HTST) pada suhu 72°C selama sekurang-kurangnya 15 saat; ATAU
- c) Jika susu mempunyai pH 7.0 atau lebih, HTST dijalankan dua kali.

Sekian, untuk makluman.

**Jabatan Perkhidmatan Veterinar**